

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]**  
**TARIKH : 11 OKTOBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan syarikat penerbangan tempatan seperti MAS, Air Asia dan Firefly ekoran PKP dan penutupan ekonomi yang dilaksanakan serta cadangan menjual Lapangan Terbang Subang. Nyatakan bantuan Kerajaan dan bilangan staf yang diberhentikan atau menerima pemotongan gaji.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana yang ahli Yang Berhomat sedia maklum, dalam mengawal penularan wabak COVID-19, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dan Pelan Pemulihian Negara. Oleh itu, kedudukan kewangan syarikat penerbangan tempatan terjejas berikutan penutupan sempadan, serta larangan rentas negeri. Ini telah mengekang keupayaan mereka untuk beroperasi seperti biasa.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan FireFly Sdn Bhd (FireFly) merupakan syarikat milik penuh Malaysia Aviation Group Berhad (MAGB). Sehingga bulan Jun 2021, MAGB telah mengalami penurunan pendapatan sebanyak 69 peratus di peringkat kumpulan, berbanding tempoh yang sama pada tahun 2019.
3. Berhubungan dengan isu pekerja, setakat ini MAGB hanya melaksanakan pemberhentian awal pekerja kontrak berusia 60 tahun ke atas, dan melibatkan 88 orang. Dari segi pemotongan gaji pula, hanya pekerja yang berpendapatan tinggi sahaja yang terkesan, dan ini merangkumi 15 peratus dari jumlah pekerja MAGB.
4. Bagi AirAsia Group Berhad (AirAsia) pula, ia merupakan sebuah syarikat swasta yang tersenarai di Bursa Malaysia, dan bukan syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan.
5. Oleh itu, soalan berkaitan AirAsia adalah lebih wajar dirujuk dan dijawab oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) kerana industri penerbangan awam dikawal selia menerusi Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) selaku Kementerian Pengawal.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Dari segi bantuan kepada sektor penerbangan awam, mengambil kira kesan pandemik COVID-19 terhadap ekonomi secara menyeluruh,

Kerajaan berpandangan bahawa pemberian bantuan wajar dilaksanakan secara meluas dan tidak terhad kepada syarikat penerbangan sahaja.

7. Bantuan ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan melalui lapan pakej bantuan dan rangsangan ekonomi berjumlah 530 bilion semenjak wabak COVID-19 melanda negara bagi membantu pekerja dan rakyat yang terjejas, serta perniagaan yang mengalami masalah aliran tunai termasuklah syarikat penerbangan tempatan.

8. Seperti yang pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, setakat ini, bantuan tunai secara langsung kepada rakyat adalah berjumlah 33 bilion ringgit, manakala bagi perniagaan pula, jumlah adalah hampir 30 bilion ringgit.

9. Ini adalah sebagai tambahan kepada langkah yang telah dilaksanakan termasuklah moratorium bayaran balik pinjaman perniagaan, skim jaminan pembiayaan perniagaan, skim kredit mikro, dana pembiayaan PKS dan banyak lagi.

10. Tambahan lagi, di peringkat pemegang saham pula, Khazanah Nasional Berhad (KNB) selaku pemilik majoriti MAGB iaitu syarikat induk kepada MAB dan Firefly sedang terus berusaha dalam memulihkan kedudukan kewangan syarikat penerbangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Buat masa ini, selaras dengan Kenyataan Media yang saya terbitkan pada 26 Jun 2021 yang lalu, Kerajaan tiada perancangan untuk menjual mana-mana hartanah lapangan terbang di Malaysia. Ini termasuklah Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), atau yang lebih dikenali sebagai Lapangan Terbang Subang.

Sekian, terima kasih.